

**THE ENVIRONMENT OF EFFECTIVE  
AND INEFFECTIVE SCHOOLS IN MALAYSIA**

**PERSEKITARAN SEKOLAH BERKESAN  
DAN SEKOLAH KURANG BERKESAN DI MALAYSIA**

ZURAI DAH JULIANA MOHAMAD YUSOFF<sup>1</sup>, MUSTAFA CHE OMAR<sup>1</sup> & YAHYA DON<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Fakulti Awang Had Salleh,  
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Corresponding author: zuraidahjuliana@unisza.edu.my

---

Received: 16 February 2021

Accepted: 27 February 2021

Published: 30 March 2021

---

**Abstract:** *The Malaysia Education Development Plan 2013-2025 has been formulated to face various limitations and obstacles that limit a school's ability to be an effective school. It has been formulated to form a more effective and efficient educational framework through the process of transformation of the higher education system by focusing on increasing understanding and improving the teaching and learning process towards the formation of effective schools. However, it becomes a necessity to examine aspects of the school environment towards achieving an effective school level. Therefore, this study aims to examine the level of the school environment in Malaysia especially to examine the aspects of the school environment that are supportive of school effectiveness and the level of the school environment in two different categories of schools namely effective schools and ineffective schools. The cross-sectional survey method was applied in the data collection process of this study and the Teacher School Environment Questionnaire (TSEQ) instrument was used as the survey tool. The study involved a total of 460 respondents which included 230 effective school leaders and 230 ineffective school leaders from secondary school in the Northern Zone of Malaysia. Data were analyzed by descriptive analysis. The results shows that there are differences in the level of the school environment in two different categories of schools as well as help the government examine plans to develop ineffective schools to achieve effective schools in the next five years in line with PPPM 2013-2025.*

**Keywords:** *School environment, effective school, ineffective school*

**Abstrak:** *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah dibentuk bagi menghadapi pelbagai batasan dan rintangan yang membendung keupayaan sesebuah sekolah menjadi sekolah berkesan. Ia digubal bagi membentuk sebuah kerangka pendidikan yang lebih efektif dan efisien melalui proses transformasi sistem pendidikan tahap tinggi. Perbincangannya memberi fokus kepada peningkatan kefahaman dan penambahbaikan proses*

pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sekolah berkesan. Namun, menjadi satu keperluan untuk meneliti aspek persekitaran sekolah ke arah mencapai tahap sekolah berkesan. Maka, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap persekitaran sekolah di Zon Utara Malaysia dan secara khususnya untuk meneliti aspek persekitaran sekolah yang menjadi pendokong kepada keberkesanan sekolah, seterusnya mengkaji tahap persekitaran sekolah di dua kategori sekolah yang berbeza iaitu sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan. Kaedah tinjauan keratan rentas telah diaplikasikan dalam proses pengumpulan data kajian ini dan instrumen soal selidik *Teacher School Environment Questionnaire (TSEQ)* telah digunakan sebagai alat ukur kajian. Kajian ini melibatkan sejumlah 460 responden yang merangkumi 230 pemimpin sekolah berkesan dan 230 pemimpin sekolah kurang berkesan dari Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Utara Malaysia. Data dianalisis dengan analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap persekitaran sekolah di dua buah kategori sekolah yang berbeza sekaligus dapat membantu kerajaan meneliti perancangan bagi membangunkan sekolah kurang berkesan kepada mencapai sekolah berkesan dalam jangka masa lima tahun akan datang selaras dengan PPPM 2013-2025.

**Kata Kunci:** Persekitaran sekolah, sekolah berkesan, sekolah kurang berkesan

**Cite this article:** Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff, Mustafa Che Omar & Yahya Don. (2021). Persekitaran sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan di Malaysia [*The environment of effective and ineffective schools in Malaysia*]. Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(1), 42-57.

## PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah digubal bagi membentuk sebuah kerangka pendidikan yang lebih efektif dan efisien melalui proses transformasi sistem pendidikan tahap tinggi (Muhyiddin Yassin, 2013). Transformasi pendidikan memfokuskan peningkatan kefahaman dan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) ke arah pembentukan sekolah berkesan. Melalui transformasi pengurusan, penstrukturan semula sistem sekolah, serta aplikasi beberapa inisiatif polisi dan pembudayaan organisasi sekolah, dijangka dapat meningkatkan modal insan serta memberi impak dalam pembangunan negara yang mana mampu menghadapi cabaran dan pemikiran kritikal dalam dunia globalisasi (Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff, 2016). Ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan yang bertujuan meningkatkan bilangan sekolah berkesan di Malaysia dengan menetapkan sepuluh ribu sasaran sekolah berkesan menjelang tahun 2020. Selain itu, adalah jelas bahawa matlamat penting Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2015 (PIPP) ialah pembangunan pengurusan sekolah berkesan, tetapi batasan dan keupayaan sistem persekolahan untuk menjadi 100% berkesan bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, malah di negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, dan negara-negara Eropah (Razik & Aunstin, 2010; Lim Suk Han, Indra Sahril Sayuati, Bernadette John & Moktar Mokri; 2020). Malah, konsep sekolah berkesan juga perlu dipertingkatkan sehingga ke tahap paling cemerlang (Khuzaimah Zaaim, Mohamed Yusoff Mohd Nor & Shahlan Surat, 2019). Justeru, PPPM 2013-2025 dalam perancangan gelombang ketiga telah dibentuk untuk

menghadapi pelbagai batasan dan rintangan yang membendung keupayaan sesebuah sekolah untuk menjadi sekolah berkesan (PPPM, 2013).

## **PENYATAAN MASALAH**

Peranan sekolah sebagai organisasi yang membentuk dan mengurus manusia adalah suatu yang amat kompleks kerana boleh menjejaskan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan bilangan sekolah-sekolah berkesan di Malaysia (Ravindaran Maraya, Kunalan Kuriaya & Norazana Mohd Nor, 2020). Menurut Abdul Shukor Abdullah (2007), sekolah pernah digambarkan sebagai sebuah anarki terancang (*organised anarchy*) jika dibandingkan dengan organisasi perniagaan. Ini disebabkan oleh proses pengurusan sekolah yang bergerak dengan logik dan rasionalnya yang tersendiri, teknologi pengurusan yang tidak begitu jelas, serta prosedur dan kaedah untuk memastikan tugas dilaksanakan mengikut yang dikehendaki amat sukar dilakukan secara sistematik.

Kebanyakan pengurusan sekolah masih kurang jelas tentang konsep sekolah, persekitaran sekolah, persekitaran pembelajaran, dan sukar atau gagal menguruskannya. Sekolah dipenuhi oleh faktor-faktor yang kabur dan tidak pasti, matlamat yang tidak jelas, teknologi yang sukar direncanakan, dan ahli organisasi yang silih berganti (Fullan, 2011). Justeru amat membimbangkan sekiranya dasar dan keputusan dalam organisasi pendidikan amat sukar dilaksanakan walaupun banyak masa, tenaga dan minat telah dikorbankan (Kowalski, Lasley & Mahoney, 2008). Terdapat pemimpin sekolah yang ekstrem mengurus persekitaran sekolah mengikut cita rasa, pemikiran, dan amalan kepimpinan tersendiri, yang akibatnya telah menimbulkan pertelingkahan dalam kalangan guru-guru, masyarakat setempat, dan pihak atasan di Kementerian Pelajaran (KPM, 2020; Muhyiddin Yassin, 2013). Keadaan organisasi sekolah yang sedemikian telah memperlihatkan pengurusan sekolah berada dalam keadaan ketidakpastian sehingga ada sebilangan pemimpin sekolah merujuk kepada pihak atasan untuk membuat keputusan kerana tidak mempunyai keyakinan diri untuk menyelesaikan konflik yang berlaku di sekolah (Hokka, 2012).

Maka adalah perlu penelitian kepada perubahan dalam aspek persekitaran sekolah selari dengan kompleksiti tuntutan generasi millenium ke arah peningkatan pencapaian sekolah yang lebih berkesan. Menurut Duignan (2003), penekanan kepada anjakan paradigma melalui amalan kepimpinan adalah perlu sebagai usaha menggalakkan pembentukan persekitaran yang positif dalam organisasi sekolah. Hal yang sedemikian amat selari dengan PPPM (2013-2025) yang menumpukan kepada usaha memartabatkan profesion keguruan dan kepimpinan sekolah ke tahap yang lebih tinggi. Justeru, amat penting untuk meneliti aspek persekitaran sekolah ke arah meningkatkan bilangan sekolah-sekolah berkesan di Malaysia.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti elemen persekitaran sekolah di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan di Zon Utara, Malaysia. Secara khususnya, tujuan kajian ini boleh disimpulkan untuk meninjau tahap persekitaran sekolah serta meneliti elemen utama persekitaran sekolah di dua buah kategori sekolah yang berbeza iaitu di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan di Zon Utara, Malaysia.

## PENGUKURAN KEBERKESANAN DAN PERSEKITARAN SEKOLAH

Pengukuran iklim organisasi sekolah telah mula diambil perhatian berikutan tekanan dan beban tugas disenaraikan sebagai halangan kepada peningkatan keberkesanan sesebuah sekolah (Hassan & Hamzah, 2020). Keberkesanan sekolah melibatkan kajian perbezaan di antara sekolah-sekolah, dengan tujuan untuk meneliti sejauh mana pelbagai elemen menjadi faktor penentu dalam agenda sekolah berkesan. Pendekatan ini merujuk kepada pembangunan prestasi sekolah yang didapati wujud kritikan secara umum kerana tahap pencapaian sekolah bukannya faktor yang boleh menjelaskan perbezaan sekolah, dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi keseluruhan sektor pendidikan (Essid, Ouellette & Vigeant, 2011).

Walaupun semua sekolah berusaha untuk meningkatkan markah pencapaian pelajar, faktor pencapaian lain seperti kepuasan ibu bapa atau penglibatan dalam kehidupan masyarakat tempatan turut didapati sebagai pengaruh dalam meningkatkan keberkesanan sekolah. Hal ini dipersetujui oleh Elder dan Jepsen (2014) yang menyatakan bahawa definisi dan pengukuran keberkesanan sekolah sebagai satu tugas yang kompleks. Dalam kajian Anderson (1994), beliau telah mengenal pasti 228 pembolehubah yang berkait dengan keberkesanan sekolah. Persekitaran pengajaran dan persekitaran rumah didapati mempunyai pengaruh yang lebih besar kepada pembelajaran daripada pembolehubah demografi atau dasar pendidikan. Pada masa yang sama, beberapa sekolah didapati lebih mantap dan berkesan meskipun keadaan persekitarannya agak lumpuh, dan ada juga yang berjaya membuktikan prestasi sekolah unggul secara konsisten, dan sekolah-sekolah ini telah didefinisikan mempunyai iklim organisasi sekolah yang unggul (Rosli Talip & Ranwan Malinkun, 2020).

Wyatt (1996) telah mengkaji keberkesanan sekolah dan membuat kesimpulan bahawa lebih banyak maklumat diperlukan berkenaan hubungan antara pelbagai faktor organisasi di sekolah dan pencapaian yang dinilai, termasuklah antaranya dasar sekolah dan gaya kepimpinan. Apa yang dikenal pasti, sosial organisasi yang membantu keberkesanan sekolah adalah semakin kompleks. Di samping itu, penekanan kepada guru-guru sebagai ejen perubahan dalam sekolah-sekolah khususnya pengenalan amalan organisasi sekolah yang menggalakkan kesejahteraan pekerja dan produktiviti juga merupakan faktor keberkesanan sekolah (Mohd Aizat Abu Hassan, Faizal Rabani, Mohamad Ekhwan Mohamad Shukor & Mohd Mastifino Abdul Majid, 2018; Alexander, Haug & Jaforullah, 2010).

Kajian membuktikan bahawa persekitaran sekolah memberi pengaruh kepada pencapaian pelajar (Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad, 2018). Ia menyokong kenyataan Peterson (1997) yang membuat kesimpulan bahawa terdapat empat pembolehubah yang konsisten dalam mencapai idea "iklim sekolah" iaitu keberkesanan guru, keserakanan, pencapaian pelajar, dan penglibatan ibu bapa. Walau bagaimanapun, beliau gagal untuk memasukkan beberapa pembolehubah lain yang diketahui mempengaruhi iklim sekolah, iaitu fizikal alam sekitar (bunyi, kedudukan bangunan) atau struktur organisasi (dasar sekolah, gaji, beban kerja), dan juga pembolehubah kontekstual seperti ciri kejiranan. Walaupun ia membuktikan banyak faktor penentu kajian persekitaran sekolah menunjukkan kesan ke atas organisasi sekolah sebahagian besarnya masih tidak dapat dikenal pasti dan pengaruh kesihatan masih kurang jelas.

Guru-guru berpendapat, sekolah adalah tempat kerja mereka, dan banyak kajian membuktikan wujud pengaruh persekitaran tempat kerja ke atas produktiviti pekerja (Siti

Hanisah Ismail & Nurazwa Ahmad, 2020). Sekolah menyediakan satu rangka kerja organisasi di mana guru-guru menjalankan teras perniagaan sekolah ke atas pelajar-pelajar. Pendidikan pelajar adalah "produk" sekolah dan ia bergantung kepada fungsi pekerjaannya. Sekolah menyediakan operasi kerja bagi guru-guru, budaya, iklim, dan organisasi sosial yang mana mereka akan melalui pembentukan diri dan akhirnya turut mempengaruhi diri mereka sendiri. Guru menyediakan modal sosial pada persekitaran pelajar dan ia adalah unsur utama dalam menentukan keberkesanan produktiviti dari perspektif organisasi. Keberkesanan boleh dianggap sebagai modal organisasi, yang kemudiannya dibentuk oleh modal insan dan modal sosial dalam organisasi (Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff, 2016).

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan adalah untuk memahami dengan lebih terperinci mengenai persekitaran sekolah di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan di Zon Utara Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif yang melibatkan pengumpulan data bagi tujuan menyediakan aspek persekitaran sekolah. Pendekatan yang digunakan ialah kaedah tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*) berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Populasi bagi kajian ini ialah pemimpin-pemimpin di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan di zon utara, semenanjung Malaysia iaitu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak berjumlah 50 buah sekolah berkesan dan 57 buah sekolah kurang berkesan seperti berikut. Mereka yang terpilih sebagai responden kajian ialah Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Penolong Kanan Kokurikulum, dan enam orang ketua panitia subjek teras iaitu Ketua Panitia Bahasa Melayu, Ketua Panitia Bahasa Inggeris, Ketua Panitia Sains, Panitia Geografi, Ketua Panitia Sejarah, dan Ketua Panitia Matematik. Selain dari pengetua dan penolong-penolong kanan, rasional pemilihan enam orang ketua panitia yang mewakili subjek teras adalah kerana subjek tersebut merupakan subjek utama peperiksaan awam bagi Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Maka setiap sekolah melibatkan 10 responden bagi kajian ini.

Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah teknik persampelan rawak berstratafikasi dan persampelan rawak strata berkadar untuk menentukan sekolah terpilih serta teknik persampelan bertujuan untuk mendapatkan responden. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik '*School Organisational Health Questionnaire (SOHQ)* (Hart, Wearing, Conn, Carter, & Dingle, 2000) dan '*Social Capital Questionnaire (SCQ)* (Onyx & Bullen's, 1997) yang telah diadaptasi menjadi soal selidik *Teacher School Environment Questionnaire (TSEQ)* oleh Lemerle (2005).

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan nilai skor min persekitaran sekolah menunjukkan pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor min ( $M=3.30$ ;  $SP=0.72$ ) yang mana kelompok modal sosial dan modal organisasi keduanya juga pada tahap yang sederhana iaitu ( $M=3.20$ ;  $SP=0.73$ ) dan ( $M=3.40$ ;  $SP=0.70$ ).

**Jadual 1:** Tahap Persekitaran Sekolah di Sekolah Berkesan dan Sekolah Kurang Berkesan

Kelompok Persekitaran Sekolah	Keseluruhan		Sekolah Berkesan		Sekolah Kurang Berkesan	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
<b>Persekitaran Sekolah</b>	<b>3.30</b>	<b>0.72</b>	<b>3.34</b>	<b>0.64</b>	<b>3.26</b>	<b>0.79</b>
Kelompok Modal Organisasi Sekolah	3.40	0.70	3.56	0.64	3.24	0.75
Kelompok Modal Sosial Sekolah	3.20	0.73	3.12	0.63	3.28	0.82

Jadual 2 menunjukkan tahap persekitaran sekolah di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan, keduanya berada pada tahap sederhana. Walaupun begitu, tahap persekitaran sekolah di sekolah berkesan lebih tinggi ( $M=3.34$ ;  $SP=.64$ ) daripada sekolah kurang berkesan ( $M=3.26$ ;  $SP=.79$ ). Di sekolah berkesan, kelompok modal organisasi sekolah berada pada tahap tinggi ( $M=3.56$ ;  $SP=.64$ ) sementara kelompok modal sosial sekolah pula berada pada tahap sederhana ( $M=3.12$ ;  $SP=.63$ ). Di sekolah kurang berkesan pula, kedua-dua kelompok berada pada tahap sederhana iaitu kelompok modal sosial sekolah ( $M=3.28$ ;  $SP=.82$ ) dan kelompok modal organisasi sekolah ( $M=3.12$ ;  $SP=.75$ ). Ini menerangkan perbezaan yang ketara antara dua kelompok persekitaran sekolah di sekolah berkesan, sedangkan di sekolah kurang berkesan, tahap antara dua kelompok persekitaran sekolah tidak jauh. Penekanan pada kelompok modal sosial sekolah di sekolah berkesan perlu ditingkatkan dengan mendalami subkelompok yang berkait dengan merujuk sebagaimana dapatan yang lebih terperinci dalam jadual berikutnya.

**Jadual 2:** Kelompok Modal Organisasi Persekitaran Sekolah

	Keseluruhan		Sekolah Berkesan		Sekolah Kurang Berkesan	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
<b>Dimensi Modal Organisasi Sekolah</b>	<b>3.40</b>	<b>0.70</b>	<b>3.56</b>	<b>0.64</b>	<b>3.24</b>	<b>0.75</b>
<b>Pembangunan profesional</b>	<b>3.23</b>	<b>0.84</b>	<b>3.42</b>	<b>0.73</b>	<b>3.04</b>	<b>0.95</b>
Galakkan profesionalisme	3.70	0.92	3.78	0.87	3.62	0.97
Mengambil berat pembangunan kerjaya	4.00	0.67	4.16	0.52	3.84	0.82
Peluang membangunkan kemahiran baru	2.75	0.12	2.98	0.83	2.52	0.21
Tidak sukar untuk mendapat akses	2.47	0.91	2.76	0.89	2.18	0.93
<b>Kejelasan peranan</b>	<b>4.03</b>	<b>0.54</b>	<b>4.30</b>	<b>0.63</b>	<b>3.76</b>	<b>0.46</b>
Objektif dapat ditakrifkan dengan baik	4.00	0.46	4.20	0.54	3.80	0.38
Jelas tentang tanggungjawab	4.00	0.69	4.34	0.60	3.66	0.78
Jelas apa yang diharapkan	4.05	0.51	4.26	0.62	3.84	0.40
Jelas pada harapan organisasi	4.05	0.51	4.40	0.75	3.70	0.27

<b>Moral sekolah</b>	<b>3.32</b>	<b>0.74</b>	<b>3.37</b>	<b>0.69</b>	<b>3.28</b>	<b>0.78</b>
Komunikasi yang baik	3.31	0.72	3.41	0.77	3.21	0.67
Penuh semangat	3.15	0.15	3.23	0.83	3.07	0.27
Moral tinggi	3.42	0.69	3.30	0.56	3.54	0.78
Komited	3.40	0.51	3.52	0.58	3.28	0.44
Semangat pasukan	3.32	0.94	3.39	0.98	3.30	0.87
<b>Penilaian dan penghargaan</b>	<b>3.32</b>	<b>0.77</b>	<b>3.44</b>	<b>0.67</b>	<b>3.20</b>	<b>0.87</b>
Diberikan maklum balas	3.60	0.82	3.72	0.54	3.48	0.11
Diberi galakkan	3.23	0.47	3.40	0.58	3.06	0.36
Proses terhadap prestasi kerja	3.30	0.73	3.40	0.57	3.20	0.89
Diberi pengiktirafan	3.15	0.16	3.23	0.98	3.07	0.14
Kualiti maklum balas	3.32	0.98	3.45	0.77	3.19	0.29
<b>Kesesuaian matlamat</b>	<b>3.43</b>	<b>0.89</b>	<b>3.56</b>	<b>0.84</b>	<b>3.27</b>	<b>0.74</b>
Tahu mencari maklumat	4.10	0.74	4.19	0.96	4.01	0.65
Matlamat perjanjian dalam matlamat sekolah	3.54	0.99	3.35	0.52	3.73	0.42
Matlamat tidak mudah difahami	3.10	0.79	3.95	0.75	2.13	0.85
Mengambil kira keperluan	2.98	0.95	2.75	0.65	3.21	0.21
<b>Sokongan pemimpin</b>	<b>3.49</b>	<b>0.93</b>	<b>3.75</b>	<b>0.58</b>	<b>3.24</b>	<b>0.27</b>
Selesa berbincang ketidakpuasan hati	3.73	0.69	4.08	0.47	3.38	0.91
Sokongan dalam sebarang aktiviti	3.65	0.12	3.96	0.78	3.34	0.46
Boleh dipercayai	3.10	0.97	3.20	0.50	3.00	0.44
Mengetahui masalah	3.48	0.87	3.76	0.95	3.24	0.65
<b>Sokongan rakan sekerja</b>	<b>3.26</b>	<b>0.58</b>	<b>3.36</b>	<b>0.58</b>	<b>3.17</b>	<b>0.58</b>
Bergantung kepada rakan	3.41	0.50	3.50	0.51	3.32	0.49
Menerima sokongan	3.35	0.44	3.42	0.54	3.28	0.34
Melibatkan diri dalam kerjasama	3.30	0.66	3.50	0.60	3.10	0.72
Peluang berbincang	2.98	0.72	3.00	0.67	2.96	0.77
<b>Koordinasi kurikulum</b>	<b>3.58</b>	<b>0.50</b>	<b>3.74</b>	<b>0.47</b>	<b>3.42</b>	<b>0.53</b>
Bersetuju dengan falsafah pengajaran	4.00	0.66	4.24	0.69	3.76	0.63
Komunikasi yang baik sesama ahli	3.35	0.49	3.50	0.38	3.20	0.60
Berbincang dan berkongsi kaedah	3.80	0.41	4.00	0.39	3.60	0.43
Objektif dan matlamat jelas	3.15	0.44	3.20	0.42	3.10	0.46
<b>Orientasi Pelajar</b>	<b>3.55</b>	<b>0.48</b>	<b>3.79</b>	<b>0.53</b>	<b>3.31</b>	<b>0.43</b>
Terdapat tekanan	3.40	0.41	3.57	0.47	3.23	0.35
Rasa diterima	3.60	0.51	3.78	0.50	3.42	0.52
Berasa dihargai	3.20	0.41	3.60	0.58	2.80	0.24

Berpuas hati dengan sumbangan	4.00	0.51	4.24	0.38	3.76	0.64
Berbangga dengan sekolah	3.55	0.55	3.78	0.70	3.32	0.40
Komunikasi yang baik	3.55	0.87	3.77	0.67	3.33	0.88
<b>Kuasa membuat keputusan/aras tinggi</b>	<b>3.11</b>	<b>0.96</b>	<b>3.33</b>	<b>0.90</b>	<b>2.89</b>	<b>0.11</b>
Membuat dasar sekolah	2.98	0.12	3.00	0.14	2.96	0.13
Membuat dasar dan prosedur pentadbiran	3.25	0.91	3.65	0.89	2.85	0.93
Gembira dengan proses keputusan	3.10	0.94	3.35	0.78	2.85	0.15
Boleh menyatakan pandangan	3.11	0.89	3.32	0.75	2.9	0.34
<b>Pengagihan kuasa</b>	<b>3.08</b>	<b>0.63</b>	<b>3.10</b>	<b>0.62</b>	<b>3.06</b>	<b>0.64</b>
Terlalu banyak kerja	3.50	0.73	3.70	0.67	3.30	0.79
Mengetahui kuasa yang ada	3.00	0.51	2.70	0.56	3.30	0.46
Terdapat banyak tenaga	2.74	0.65	2.90	0.62	2.58	0.68
Bebas bersuara	2.78	0.69	3.03	0.54	2.53	0.84
Tidak ada masa untuk berehat	3.38	0.92	3.17	0.84	3.59	0.68

Merujuk kepada kelompok modal organisasi persekitaran sekolah secara menyeluruh, hanya lima dimensi daripada sebelas dimensi yang dikaji berada pada tahap tinggi iaitu dimensi kejelasan peranan ( $M=4.03$ ;  $SP=.54$ ), penyelarasan kurikulum ( $M=3.58$ ;  $SP=.50$ ), orientasi pembelajaran ( $M=3.55$ ;  $SP=.48$ ), sokongan pemimpin ( $M=3.49$ ;  $SP=.93$ ), dan kesesuaian matlamat ( $M=3.43$ ;  $SP=.89$ ). Enam dimensi lagi berada pada tahap sederhana dengan skor min tertinggi pada dimensi moral sekolah ( $M=3.32$ ;  $SP=.74$ ), penilaian dan penghargaan ( $M=3.32$ ;  $SP=.77$ ), sokongan rakan sekerja ( $M=3.26$ ;  $SP=.58$ ), pembangunan professional ( $M=3.23$ ;  $SP=.84$ ), kuasa membuat keputusan ( $M=3.11$ ;  $SP=.96$ ), dan pembahagian tugas ( $M=3.08$ ;  $SP=.63$ ).

Walau bagaimanapun, melihat kepada dapatan perbezaan di antara sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan dalam jadual di atas, terdapat satu dimensi berada pada tahap sangat tinggi di sekolah berkesan iaitu dimensi kejelasan peranan ( $M=4.30$ ;  $SP=.63$ ), sementara tujuh dimensi pada tahap tinggi iaitu dimensi orientasi pembelajaran ( $M=3.79$ ;  $SP=.53$ ), sokongan pemimpin ( $M=3.75$ ;  $SP=.58$ ), penyelarasan kurikulum ( $M=3.74$ ;  $SP=.47$ ), kesesuaian matlamat ( $M=3.56$ ;  $SP=.84$ ), penilaian dan penghargaan ( $M=3.44$ ;  $SP=.67$ ), dan pembangunan professional ( $M=3.42$ ;  $SP=.73$ ). Selebihnya, empat dimensi yang lain berada pada tahap sederhana iaitu dimensi moral sekolah ( $M=3.37$ ;  $SP=.69$ ), sokongan rakan sekerja ( $M=3.36$ ;  $SP=.58$ ), kuasa membuat keputusan ( $M=3.33$ ;  $SP=.90$ ), dan pembahagian tugas ( $M=3.10$ ;  $SP=.62$ ). Dapatan ini menjelaskan bahawa, pemimpin sekolah berkesan perlu meningkatkan komunikasi yang baik sesama guru-guru serta sentiasa bersemangat untuk menyumbang tenaga dalam sebarang aktiviti dan agenda sekolah. Keseimbangan antara kuasa membuat keputusan dan pembahagian tugas perlu diteliti mengikut keadaan kerana secara tidak langsung ia berkait dengan sokongan rakan sekerja. Kecekapan pemimpin dalam memahami tindakan berdasarkan keperluan semasa dapat membantu pembentukan persekitaran sekolah yang lebih baik.



Bagi sekolah kurang berkesan pula, dua dimensi berada pada tahap tinggi iaitu dimensi kejelasan peranan ( $M=3.76$ ;  $SP=.46$ ) dan dimensi penyelarasan kurikulum ( $M=3.42$ ;  $SP=.27$ ) manakala sembilan dimensi lain berada pada tahap sederhana dengan dapatan tahap tertinggi dimensi orientasi pembelajaran ( $M=3.31$ ;  $SP=.43$ ), dimensi moral sekolah ( $M=3.28$ ;  $SP=.78$ ), dimensi kesesuaian matlamat ( $M=3.27$ ;  $SP=.74$ ) dimensi sokongan pemimpin ( $M=3.24$ ;  $SP=.27$ ), dimensi penilaian dan penghargaan ( $M=3.20$ ;  $SP=.87$ ), dimensi sokongan rakan sekerja ( $M=3.17$ ;  $SP=.58$ ), dimensi pembahagian tugas ( $M=3.06$ ;  $SP=.64$ ), dimensi pembangunan profesional ( $M=3.04$ ;  $SP=.95$ ) dan dimensi kuasa membuat keputusan ( $M=2.89$ ;  $SP=.11$ ). Ini menunjukkan bahawa kelompok modal organisasi persekitaran sekolah di sekolah kurang berkesan perlu diberi fokus dan ditekankan pada aspek-aspek pengurusan organisasi. Ini kerana dua dimensi yang berada pada tahap tinggi iaitu dimensi kejelasan peranan dan dimensi penyelarasan kurikulum, keduanya hanya berkisarkan persekitaran yang stereotaip pada diri pemimpin sahaja tanpa menghubungkan pengurusan antara pemimpin dengan ahli organisasi sekolah. Persekitaran yang sebegini akan memberi kesan negatif pada pembinaan profesionalisma guru-guru dan modal insan pelajar. Maka secara tidak langsung, pembangunan organisasi agak terbatas dan persekitaran yang baik dalam pembentukan organisasi adalah terhad.

Jadual 3 di bawah pula menerangkan berkenaan dapatan kajian bagi kelompok modal sosial persekitaran sekolah yang merangkumi empat dimensi kajian. Dalam kelompok ini, keempat-empat dimensi yang dikaji berada pada tahap sederhana dengan dimensi tertinggi ialah dimensi nilai kehidupan dengan nilai skor min, ( $M=3.29$ ;  $SP=.67$ ), diikuti dengan dimensi kepercayaan dan keselamatan ( $M=3.18$ ;  $SP=.73$ ), proaktiviti sosial ( $M=3.15$ ;  $SP=.69$ ), dan toleransi kepelbagaian ( $M=3.12$ ;  $SP=.66$ ).

**Jadual 3:** Kelompok Modal Sosial Persekitaran Sekolah

	Keseluruhan		SB		SKB	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
<b>Dimensi Modal Sosial Sekolah</b>	<b>3.20</b>	<b>0.73</b>	<b>3.12</b>	<b>0.63</b>	<b>3.28</b>	<b>0.82</b>
<b>Kepercayaan dan keselamatan</b>	<b>3.18</b>	<b>0.91</b>	<b>2.91</b>	<b>0.73</b>	<b>3.44</b>	<b>0.10</b>
Berasa dipercayai	3.45	0.68	2.98	0.54	3.92	0.82
Menawarkan bantuan	3.20	0.70	3.00	0.61	3.40	0.79
Reputasi selamat	3.05	0.27	2.78	0.98	3.32	0.56
Selamat berjalan di sekitar	3.01	0.11	2.89	0.78	3.12	0.22
<b>Proaktiviti sosial</b>	<b>3.15</b>	<b>0.69</b>	<b>3.14</b>	<b>0.63</b>	<b>3.16</b>	<b>0.84</b>
Melawat rakan-rakan	3.25	0.64	3.00	0.60	3.50	0.68
Membantu walau bukan skop tugas	3.15	0.59	3.20	0.42	3.10	0.76
Inisiatif melakukan tugasan	2.98	0.15	2.90	0.11	3.06	0.29
Sukarela	3.22	0.69	3.46	0.67	2.98	0.71
<b>Toleransi kepelbagaian</b>	<b>3.12</b>	<b>0.66</b>	<b>3.23</b>	<b>0.58</b>	<b>3.01</b>	<b>0.73</b>
Dapat ditingkatkan	3.20	0.47	3.24	0.27	3.16	0.67
Selesa bekerja	3.15	0.67	3.10	0.57	3.20	0.77

Ahli organisasi sebagai keluarga	3.00	0.83	3.34	0.90	2.66	0.76
Mendapatkan perantaraan	3.13	0.97	3.24	0.75	3.02	0.64
<b>Nilai Kehidupan</b>	<b>3.36</b>	<b>0.67</b>	<b>3.20</b>	<b>0.59</b>	<b>3.51</b>	<b>0.59</b>
Gembira dan berpuas hati	3.45	0.76	3.43	0.56	3.47	0.96
Perasaan dirangsang	3.12	0.72	3.25	0.70	2.99	0.74
Berehat dan menikmati	3.28	0.66	3.24	0.54	3.32	0.78
Merasai mental dan fizikal yang tenang	3.25	0.60	3.28	0.58	3.22	0.62
Bangun dan menjangkakan keseronokan	3.25	0.60	3.10	0.55	3.40	0.65
Perasaan ikhlas dihargai	4.39	0.85	4.12	0.78	4.66	0.92
Menikmati perkara yang dilakukan	3.15	0.15	3.23	0.83	3.07	0.27
Merasai masa depan cerah	3.32	0.44	3.20	0.42	3.44	0.46
Berasa positif dan yakin	3.23	0.47	3.40	0.58	3.06	0.36
Gembira secara keseluruhan	3.13	0.12	3.00	0.14	3.26	0.13
Komited dengan aktiviti	3.36	0.67	3.04	0.52	3.68	0.82
Berpuas hati dengan pencapaian	3.39	0.41	3.07	0.47	3.71	0.35

Melihat kepada perbezaan dapatan kajian di sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan, kelompok modal sosial di sekolah kurang berkesan lebih tinggi daripada sekolah berkesan. Di sekolah kurang berkesan, dua dimensi berada pada tahap tinggi iaitu dimensi nilai kehidupan ( $M=3.51$ ;  $SP=.59$ ) dan dimensi kepercayaan dan keselamatan ( $M=3.44$ ;  $SP=.10$ ), manakala dua dimensi lagi berada pada tahap sederhana iaitu dimensi proaktiviti sosial ( $M=3.16$ ;  $SP=.84$ ) dan dimensi toleransi kepelbagaian ( $M=3.01$ ;  $SP=.73$ ). Di sekolah berkesan pula, keempat-empat dimensi berada pada tahap sederhana dengan nilai skor dimensi toleransi kepelbagaian ( $M=3.23$ ;  $SP=.58$ ), dimensi nilai kehidupan ( $M=3.20$ ;  $SP=.59$ ), dimensi proaktiviti sosial ( $M=3.14$ ;  $SP=.63$ ), dan dimensi kepercayaan dan keselamatan ( $M=2.91$ ;  $SP=.73$ ). Dapatan ini menunjukkan kelompok modal sosial persekitaran sekolah di sekolah berkesan perlu diberi fokus dengan cuba meneliti masalah sebenar dalam kalangan pemimpin dan guru-guru. Ini kerana, aspek modal sosial adalah isu utama yang perlu diberi penekanan memandangkan ia berkait dengan kehidupan seharian ahli organisasi dan juga menyentuh respon spontan mereka terhadap komitmen tugas dan gaya penyelesaian masalah yang berbangkit di sekolah.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengesahkan bahawa model terbaik untuk mempromosi sekolah yang sihat di seluruh dunia adalah melalui penilaian dengan cara yang mengiktiraf sepenuhnya rukun teras kesihatan. Asas penilaian ini bertumpukan kepada campur tangan individu dalam menangani masalah kesihatan pelajar melalui tingkah laku atau isu pelaksanaan seperti dasar kesihatan sekolah dan akses kepada perkhidmatan (Lemerle, 2005). Faktor utama yang merujuk kepada persekitaran sekolah yang sihat adalah berasaskan

kepada kelompok modal sosial dan kelompok modal organisasi dalam pembentukan persekitaran sekolah (Haseena Banu Abdul Kalam, 2016).

Menurut Mick Zais (2011), persekitaran sekolah bermaksud sejauh mana sekolah menggalakkan keselamatan dan kesihatan pelajar yang meliputi keadaan fizikal sekolah, persekitaran akademik, dan hubungan sosial yang menyokong perkhidmatan kesihatan fizikal dan mental pelajar. Persekitaran pembelajaran boleh dipertimbangkan pada konteks psikologi sosialnya atau ditentukan melalui pembelajarannya. Ia telah terbukti secara empirikal bahawa persekitaran yang positif berkait dengan peningkatan prestasi guru dan pencapaian pelajar (Che Nidzam Che Ahmad & Saidatul Ainoor Shaharim, 2016).

Persekitaran sekolah dan persekitaran kerja telah membuktikan kesannya terhadap kesihatan. Persekitaran psikososial di sekolah-sekolah dan kesannya dalam kesihatan telah dikaji oleh Gadin dan Hammarstrom, (2000). Dapatan kajian mereka menghuraikan pelajar yang tidak mengalami masalah di sekolah, direkodkan mempunyai tahap kesihatan yang lebih baik berbanding mereka yang menghadapi masalah di sekolah yang dilihat menghadapi tekanan dalam diri. Pengaruh persekitaran di sekolah dianggap penting untuk kesihatan psikologi dan kesejahteraan guru dan pelajar (Manak Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin, 2020). Di samping itu, guru yang mengalami pengaruh positif di sekolah mempunyai prestasi yang lebih baik dari segi hubungan sosial, harga diri, pembangunan profesional, dan etika kerja.

Hubungan peribadi ahli organisasi dan rangkaian sosial dalam komuniti sekolah telah terbukti menjadi satu perkara penting yang mempengaruhi tahap kesihatan komuniti sekolah seperti penyertaan tugas, keberkesanan diri, pengurusan konflik, dan tahap komitmen (Suparman, 2013). Persekitaran sosial yang baik dalam kalangan organisasi akan membuatkan ahli organisasi bebas daripada masalah kesihatan tertentu dan kurang aduan psikosomatik. Persekitaran sekolah juga boleh dilihat dari perspektif yang lain sebagai usaha ke arah pembangunan dasar kesihatan dan intervensi yang bertujuan untuk mencapai kualiti kesihatan yang lebih baik dalam kalangan pelajar dan kakitangan sekolah. Komponen model persekitaran sekolah adalah penting kerana ia merupakan faktor persekitaran yang mempunyai beberapa kawalan ke atas matlamat sekolah dalam membantu meningkatkan prestasi kerja sebagai pendidik.

## **Media Sosial**

Persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kesihatan fizikal dan mental seseorang individu serta masyarakat sekelilingnya (Jamaludin Ramli, 2010). Model ekologi menekankan konsep dinamik yang menyatakan hubungan antara organisma dan persekitarannya (Rokhani Said & Andi Ishak, 2014). Pada satu teori sistem, ekologi sosial menawarkan satu set teori prinsip untuk memahami hubungan dan interaksi antara pelbagai pengaruh peribadi dan sosial alam sekitar terhadap tingkah laku dan kesihatan manusia. Teori ini terdiri daripada beberapa andaian teras yang mana menyatakan kesihatan ditentukan oleh interaksi kompleks antara kedua-dua aspek persekitaran fizikal dan sosial dalam kombinasi dengan sifat-sifat peribadi seperti perangai dan corak tingkah laku. Teori ekologi sosial berpendapat bahawa tingkah laku tertentu, peranan sosial, dan keadaan persekitaran dalam

satu kehidupan individu boleh memberi pengaruh yang tidak seimbang pada kesihatan seseorang (Andi Suwarta & Iyep Candra Herman, 2012).

Stokols dalam Whitley (1999), adalah pengasas pertama yang membincangkan berkenaan perspektif ekologi sosial untuk mempromosikan kesihatan. Beliau mengakui bahawa pengaruh persekitaran yang berlaku di antara masyarakat sekeliling dan persekitaran mereka, memberi kesan kepada seseorang individu. Pengaruh ini beroperasi sebagai satu set sistem yang membentuk individu dalam berinteraksi, beraktiviti, berperanan, bertingkah laku dan hubungan interpersonal (Kelly Jauding & Colonius Atang, 2020). Pendapat ini menyokong pandangan Grzywacz dan Fuqua (2000) yang mana menggambarkan asas kesejahteraan berkait dengan keadaan yang pelbagai dalam pembangunan sosio fizikal alam sekitar. Mereka juga berpendapat bahawa kesihatan adalah hasil daripada kualiti persekitaran yang mana keadaan persekitaran memberi pelbagai pengaruh ke atas kesihatan dan kesejahteraan bergantung kepada ciri-ciri seorang individu. Pendekatan pelbagai disiplin yang ditetapkan oleh organisasi adalah penting untuk memahami interaksi persekitaran fizikal dan sosial (Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam & Shaharom Muhammad Faizal A. Ghani, 2019).

Konsep modal sosial pada asalnya berkembang daripada sosiologi dan sains politik untuk menggambarkan seseorang individu melalui tingkah laku dan hubungan sosial mereka dalam rangkaian masyarakat. Modal sosial berasal dari teori sosiologi dan didefinisikan sebagai ciri-ciri kolektif komuniti dan masyarakat seperti tahap amanah interpersonal (Berkman & Kawachi, 2000). Terdapat pelbagai petunjuk modal sosial seperti penglibatan dalam kehidupan masyarakat tempatan, proaktiviti dalam konteks sosial, perasaan kepercayaan dan keselamatan, kualiti dan kuantiti hubungan, rangkaian keluarga dan rakan-rakan, toleransi kepelbagaian, nilai hidup dan hubungan kerja (Haziq Aznam M.A. & Tahir, Z, 2019).

Berkman dan Kawachi (2000) berpendapat bahawa sejauh mana seseorang individu itu saling berkait dan terlibat dalam masyarakat, ia memberi pengaruh kepada tahap kesihatan dan kesejahteraan individu serta kecergasan keseluruhan masyarakat. Grootaert (1998) menyatakan bahawa modal sosial merujuk kepada kepaduan antara sosial dan budaya masyarakat, serta norma dan nilai-nilai yang mengawal interaksi antara manusia dan institusi-institusi di mana ia berada. Modal sosial adalah kuasa yang mempengaruhi masyarakat tanpa pembangunan ekonomi atau kesejahteraan manusia. Atas dorongan oleh kefahaman peranan sosial dalam kesihatan, usaha untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan pembinaan modal sosial telah berkembang. Kini terdapat bukti bahawa pelbagai elemen modal sosial seperti perpaduan sosial menyumbang kepada kesihatan masyarakat.

Modal sosial secara umumnya dilihat sebagai harta yang terdiri daripada pelbagai ciri-ciri individu dalam kumpulan dan dilengkapi dengan keadaan struktur yang membolehkan penghasilan modal individu iaitu aset peribadi seperti kesedaran atau pengetahuan sivik (Kemper, 2013). Istilah modal insan digunapakai berhubung dengan pemboleh ubah seperti kesihatan dan pendidikan, yang mana menyediakan individu dengan sumber-sumber yang dapat mengambil bahagian dalam interaksi sosial. Modal sosial dan modal insan adalah berkait rapat dan kedua-duanya berkembang serta membentuk rangkaian sosial seperti keluarga, sekolah atau masyarakat. Institusi-institusi pendidikan menyediakan akses kepada pelbagai bentuk modal sosial dan peluang untuk memperoleh modal insan (Neeta, 2014).

Terdapat pelbagai bentuk modal sosial termasuk bentuk mendatar seperti rakan-rakan dalam sesebuah organisasi, serta modal sosial menegak yang merujuk kepada kualiti dan tahap rangkaian antara manusia pada tahap yang berbeza di sesebuah organisasi. Mereka yang berada dalam persekitaran kelompok modal sosial yang positif menyumbang kepada pelbagai hasil sosial dan pendidikan yang akan membentuk menjadi modal insan. Modal sosial adalah sumber yang berasal dari proses yang menyokong individu seperti gaya kepimpinan dan pengurusan (Nyqvist & Forsman, 2015). Oleh itu, dengan memupuk persekitaran yang membina kepercayaan, penglibatan aktif, kepelbagaian toleransi, dan proaktiviti sosial akan meningkatkan rangkaian interaktif dan fungsi organisasi (Lemerle, 2005).

### **Modal Organisasi**

Tanggapan modal sosial telah dikaji dalam teori keberkesanan organisasi untuk beberapa tahun sebelum ini dan istilah ini merujuk kepada rangkaian interaksi sosial dan hubungan yang wujud khususnya dalam persekitaran kerja. Rangkaian-rangkaian interpersonal boleh dianggap sebagai penyediaan aset dan liabiliti kepada organisasi (Eisfeldt, 2013). Aset terhasil apabila interaksi sosial antara masyarakat sekeliling seperti organisasi menambah nilai kepada amalan pengurusan dan meningkatkan output (Omar Ramih, S., Andau, A., Talip, R. & Taat, M. S., 2019). Sejauh mana sumber-sumber yang terdapat di dalam organisasi menyumbang kepada keberkesanan organisasi, ia dikenali sebagai modal organisasi. Modal Organisasi adalah peramal utama prestasi atau keberkesanan organisasi (Boardman, 2011).

Walau bagaimanapun, komitmen pekerja dicadangkan sebagai satu bentuk modal insan yang dipupuk oleh organisasi yang berkesan. Begitu juga, kesihatan pekerja boleh dilihat sebagai satu bentuk modal insan yang mempunyai kesan mendalam kepada output organisasi. Selain itu, semangat pekerja juga mencerminkan sejauh mana modal organisasi telah terhasil oleh tempat kerja (Roman, 2012). Organisasi dengan modal organisasi diiktiraf oleh set yang meningkatkan norma-norma, nilai, harapan dan peluang bagi penglibatan yang dikenali sebagai sosialisasi organisasi.

Modal organisasi didefinisikan sebagai prinsip-prinsip dan amalan yang digunakan oleh organisasi untuk membawa peningkatan dalam produktiviti dan kesejahteraan pekerja. Ia berkait rapat dengan modal insan, kerana ia bergantung kepada kualiti dan cara bagaimana modal diuruskan (Philippe, Algan, Cahuc, & Shleifer, 2010). Tenaga kerja yang komited, dengan kadar tekanan kerja yang rendah adalah petunjuk kepada sebuah organisasi yang sihat. Hal ini boleh dikatakan sebagai hasil yang berpunca daripada nilai-nilai organisasi, dan cerminan gaya kepimpinan (Philip & Salvanes, 2011). Nilai dan kapasiti untuk pembangunan seperti menghormati hak asasi manusia, dan pengurusan ke arah kebaikan bersama adalah elemen-elemen utama dalam modal organisasi (Mele, 2003).

Memandangkan guru-guru memainkan peranan penting sebagai pengantara di antara pelajar-pelajar dan persekitaran mereka, faktor-faktor dalam dunia guru yang membentuk dan menentukan kesejahteraan dan kesihatan mereka sendiri perlu dipertimbangkan kerana sumber ini yang menentukan hasil pembangunan pelajar (Gengatharan, K., & Rahmat, A., 2019; Bissessar, 2014). Idea ini meletakkan guru-guru ke dalam peranan penyediaan pelajar kepada akses modal insan dan modal sosial, dalam konteks penyediaan modal organisasi (Roman & Jana, 2012). Model ekologi kesihatan adalah rangka kerja promosi kesihatan yang

komprehensif yang memberi tumpuan kepada perubahan alam sekitar dan pengaruh ke atas tingkah laku, dan struktur seperti dasar-dasar yang membantu seseorang individu membuat pilihan yang sihat dalam kehidupan seharian mereka (Hajloo, 2013).

## KESIMPULAN

Persekitaran fizikal dan sosial tempat kerja serta ciri-ciri psikologi kerja memainkan peranan yang memberi kesan kepada tahap kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Jenis-jenis pekerjaan dan budaya tempat kerja, jelas mempunyai perkaitan dengan sikap dan tingkah laku sistem sosial di tempat kerja, dan ia menentukan tahap pengaruh ke atas kehidupan seseorang. Mempromosikan kesihatan di tempat kerja telah disahkan oleh Kesatuan Eropah pada tahun 1997, dan ditakrifkan sebagai gabungan usaha majikan, pekerja dan masyarakat untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Tiga strategi telah dicadangkan untuk mencapai matlamat tersebut iaitu meningkatkan organisasi kerja, menggalakkan penyertaan aktif, dan menggalakkan pembangunan peribadi. Bagi guru-guru, sekolah adalah tempat kerja mereka, dan wujud pengaruh persekitaran tempat kerja ke atas produktiviti pekerja. Sekolah perlu menyediakan satu rangka kerja organisasi di mana guru-guru menjalankan teras perniagaan sekolah ke atas pelajar dan hasilnya adalah "produk" sekolah yang berkualiti. Maka, sekolah perlu menyediakan operasi kerja bagi guru-guru, budaya, iklim, dan organisasi sosial yang mana mereka akan melalui pembentukan diri dan akhirnya turut mempengaruhi keberkesanan sekolah. Hal ini kerana, guru menyediakan modal sosial pada persekitaran pelajar dan ia adalah unsur utama dalam menentukan keberkesanan produktiviti dari perspektif organisasi. Keberkesanan boleh dianggap sebagai modal organisasi, yang kemudiannya dibentuk oleh modal insan dan modal sosial dalam organisasi.

## REFERENCE

- Abdul Shukor Abdullah (2007). Apakah sekolah kluster adalah sekolah berkesan? *Kertas Ucapan Utama Seminar Pendidikan Kebangsaan* Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya
- Alexander, W.R.J., Haug, A.A. & Jaforullah, M. (2010). A two-stage double-bootstrap data envelopment analysis of efficiency differences of New Zealand secondary schools. *Journal of Productivity Analysis*, 34 (2), 99–110
- Anderson, K. (2004). Conflict of Laws-Case Comment. *International Law Journal*. 49, 305-331
- Anderson, L., Weinstein, T., Strykowski, B. F. & Walberg, H. J., (1994). A primer for analyzing educational effectiveness and efficiency. (*ERIC Document Reproduction Service No.*, ED406502)
- Berkman, L. F., & Kawachi, I. (2000). A historical framework for social epidemiology. In Berkman, L. F. & Kawachi, I. (Eds.), *Social Epidemiology* New York, Oxford University Press, 3 - 12
- Bremberg, S. G. (2004). New Tools for parents. *Proposals for new models of parental support. Swedish*. National of Public Health, Stockholm, Sweden.
- Che Nidzam Che Ahmad & Saidatul Ainoor Shaharim (2016). Kesesuaian Persekitaran Pembelajaran, Interaksi Guru-Pelajar, Komitmen Belajar Dan Kesselesaian Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Biologi. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia Vol.6 No.1 Jun 2016 / Issn 2232-0393*
- Dorman, J. & Fraser, B. (2009). Psychosocial environment and affective outcomes in technology-rich classrooms: Testing A causal model. *Social Psychology of Education*, 12, 77-99
- Duignan, P. (2003). *SOLR Project: Contemporary challenges and implications for leaders in frontline*

- service organizations*, Sydney: Flagship for creative and authentic leadership, ACU National
- Elder, Todd & Jepsen, Christopher, 2014. Are Catholic primary schools more effective than public primary schools? *Journal of Urban Economics, Elsevier, vol. 80(C)*, pages 28-38
- Essid H., Ouelette P. & Vigeant S. (2011). Measuring efficiency of Tunisian schools in the presence of quasi-fixed inputs: a bootstrap data envelopment analysis approach. *Economics of Education Review 29(4)*:589-596
- Fullan, M. (2011). Choosing the Wrong Drivers for Whole System Reform. *Seminar series204*. Centre for Strategic Education
- Gengatharan, K. & Rahmat, A. (2019). Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 8(2), 19-27. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol8.2.3.2019>
- Grootaert, C. (1998). *Social capital, the missing link? Initiative Working Paper No. 3*, Washington D. C: The World Bank
- Grzywacz, J. G. & Fuqua, J. (2000). The social ecology of health, leverage points and linkages. *Behavioral Medicine 26(3)*, 101-116
- Haseena Banu Abdul Kalam (2016). Pengaruh Persekitaran sosial terhadap tingkah laku disiplin murid sekolah rendah di Klang, Selangor, Malaysia. *Tesis Sarjana Sains*. Universiti Putra Malaysia.
- Haziq Aznam, M. A. & Tahir, Z. (2019, July 30). Pengaruh Modal Sosial terhadap Pencapaian Pendidikan Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Bangi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(2), 1-9. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/303>
- Hokka, P. (2012). Teacher educators amid conflicting demands: Tensions Between Individual and Organizational Development. *Education, Psychology, and Social Research*
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad, (2018). Sokongan Persekitaran Sosial di Pelbagai Jenis Sekolah Menengah dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1(1)(2018): 67-76* DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.03-08>
- Lemerle, K. A. (2005). *Evaluating the Impact of the School Environment on Teachers' Health and Job Commitment*. School of Public Health, Brisbane, Australia
- Lim Suk Han, Indra Sahril Sayuati, Bernadette John & Moktar bin Mokri (2020). Establishment of fundamental concepts for the implementation of effective educational programs in the english language for primary schools in Sabah. *Jurnal Penyelidikan Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah. Vol 1*. eISSN 2756-8911
- Wan Zaliha Wan Othman & Shahrul Nizam Salim (2020). Peranan PGB Sebagai Pemimpin Instruksional yang Berkesan dalam Mengurus Perubahan. *Wacana Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia
- Hassan, J. J. & Hamzah, M. (2020). Halangan-halangan pengurusan sekolah rendah dalam mewujudkan sekolah berkesan di zon utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang): Tindakan dan keperluan Guru Besar dan Guru-guru Penolong Kanan menanganinya. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2), 12-28. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol13.2.2.2020>
- Kowalski, T. J., Lasley, T. J. & Mahoney, J. W. (2008). *Data-Driven Decisions and School Leadership: Best Practices for School Improvement*. Boston: Pearson/Allyn and Bacon
- Kyriakides, C., Charalambous, G., Philippou, F. & Campbell, R. J. (2006). Illuminating Reform Evaluation Studies Through Incorporating Teacher Effectiveness research: *A Case Study in Mathematics*
- Lemerle, K. A. (2005). Evaluating the impact of the school environment on teachers' health and job commitment: is the health promoting school a healthier workplace? *Phd Thesis*, Queensland University of Technology
- Manak Ek Klai & Farhana Kamarul Bahrin (2020). Kesedaran tentang masalah kemurungan dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Society and Space*, Vol 16, No 4
- Mick Zais (2011). *South Carolina School Environment Initiative*. South Carolina Department of Education, Columbia. Retrieved on March 21, 2012, from <http://ed.sc.gov/agency/ac/Student-InterventionServices/documents/SC-SchoolEnvironmentRFP-Nov2011.pdf>
- Muhyiddin Yassin (2013). *Ucapan Penggulangan: Perhimpunan Agung UMNO 2013*. Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
- Nyqvist F. & Forsman A. K. (2015). *Social Capital as a Health Resource in Later Life: The Relevance*

- of Context*. Edition: International Perspectives on Aging, Vol. 11 Publisher: Springer Editor: Fredrica Nyqvist, Anna K. Forsman ISBN: 978-94-017-9614-9
- Omar Ramih, S., Andau, A., Talip, R. & Taat, M. S. (2019). Pengaruh Pengurusan Program Terhadap Interaksi Sosial di dalam Program Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(8), pp. 75 - 84. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i8.338>.
- Peterson. R. E. (1997). *Eight Internet Search Engines Compared*. First Monday.
- Ravindaran Maraya, Kunalan Kuriaya & Norazana Mohd Nor (2020). Refleksi kepemimpinan Guru Besar menghadiri kursus pembangunan organisasi untuk kecemerlangan sekolah (prod) dari perspektif guru-guru Daerah Batang Padang, Perak. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 33(1) 2020
- Razik, A. T. & Austin, D. S. (2010). *Fundamental Concepts of Educational Leadership and Management*. 3rd Edition
- Roslee Talip & Ranwan Malinkun (2020). Hubungan iklim organisasi sekolah dan kompetensi kecerdasan emosi guru sebagai mediator ke atas kualiti guru generasi "Y" di Sekolah Menengah Daerah Kudat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 3, (page 58 - 78), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.372>
- Suparman, I. A. (2013). *Interethnic Communication among The Nine Largest Population in Indonesia and its Dynamism Based on Census Data (Area 9 Inter ethnic Communication)*. Yogyakarta. JICC 2012.
- Tim Wyatt (1996). School effectiveness research: Dead end, damp squib or smouldering fuse? *Issues in Educational Research*, 6(1), 1996, 79-112
- Whiteley, P. (1999). *Social Capital and European Democracy*, pp 25–44. London: Routledge
- Zaaim, K., Mohd Nor, M. Y. & Surat, S. (2019). Tahap Kompetensi Guru (pdpc) SKPMG2 dan Tahap Kemenjadian Murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (27), 51-62
- Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam & Shaharom Muhammad Faizal A.Ghani (2019). Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin di Sekolah-Sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil. 6, Isu 2
- Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff (2016). Pengaruh Kepimpinan Distributif terhadap Pengurusan Konflik dalam Kalangan Pemimpin Sekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41 (2) (2016): 165-17